



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29
(b) Taraf Jawatan : *CONTRACT OF SERVICE (COS)*
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : SISTEM MAKLUMAT
(e) Kementerian / Jabatan : PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2. Jadual Gaji :

Gaji Minimum RM 1,549.00	Gaji Maksimum RM 5,684.00	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan RM 145.00
-----------------------------	------------------------------	--
3. Syarat Lantikan Wajib : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(d) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(e) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(f) Diploma dalam kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(g) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
5. Syarat Tambahan : Keutamaan kepada calon yang mempunyai kemahiran dalam:
- (a) Pembangunan, pembetulan ralat dan selenggaraan sistem dalam talian melibatkan pengaturcaraan *HTML, PHP, JAVA, JavaScript*, pangkalan data *MySQL, Microsoft SQL, UI/UX Design (CSS)* dan *Mobile Application Development*;
(b) Calon-calon dikehendaki untuk membawa contoh-contoh sistem aplikasi yang telah dibangunkan dan akan menjalani ujian pengaturcaraan semasa sesi temuduga.



6. Fungsi Bidang Tugas : (a) Bertanggungjawab membangunkan program baru untuk sesuatu sistem guna computer;
(b) Memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa;
(c) Penyelenggaraan sistem; dan
(d) Memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.
7. Kemudahan : (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
i. Elaun Perjalanan Kenderaan;
ii. Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
iii. Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam; dan
iv. Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih).
(b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO;
(c) Cuti Rehat 12 hari setahun, dikira secara purata (*pro rate*) berdasarkan tempoh kontrak;
(d) Cuti Sakit 14 hari setahun, dikira secara purata (*pro rate*) berdasarkan tempoh kontrak.
8. Cara Memohon : (a) Permohonan hendaklah menggunakan "Borang Permohonan Jawatan Kosong" yang boleh didapati melalui laman sesawang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan di www.mda.gov.my;
(b) Tulis nama jawatan yang dipohon di bahagian atas *resume* dan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat "PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29 (CONTRACT OF SERVICE - COS)";
(c) Pemohon hendaklah memastikan semua salinan dokumen diakui sah dan menghantar dokumen – dokumen dibawah MENGIKUT SUSUNAN berikut:
i. Borang Permohonan Jawatan Kosong;
ii. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
iii. Salinan Kad Pengenalan;
iv. Salinan Sijil Kelahiran;
v. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
vi. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
vii. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
viii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil daripada JPA / MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
ix. Lain-lain dokumen sokongan.

(d) Ke alamat:

UNIT KHIDMAT PENGURUSAN (SUMBER MANUSIA)
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR.



(e) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan

salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.

- (f) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (g) Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (h) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : 15 November 2022 (Selasa) jam 3.00 petang


(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 1 November 2022

